

Bagi memantapkan ekonomi rantau ini — Dr. M

Amalkan dasar terbuka

(P)

24 MAY 1994

KUALA LUMPUR 23 Mei — Negara-negara rantau Asia Pasifik hendaklah mengamalkan dasar keserantauan terbuka bagi memantapkan ekonominya, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, negara-negara rantau Asia Pasifik harus membuka ekonomi mereka kepada eksport, pelaburan dan teknologi dari negara lain di dunia.

“Pasifik (negara-negara Pasifik) tidak seharusnya terpelembang dengan kelemahan-kelemahan Eropah Barat yang mempunyai sikap terlalu mementingkan diri (*Euro-cen-*

tric),” katanya.

Berucap merasmikan Mesyuarat Agung Antarabangsa Ke-27 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di sini, hari ini, beliau berkata, negara-negara rantau ini melakukan satu kesilapan besar jika mereka menutup pintu dan mengenakan pelbagai halangan kepada dunia luar. **[LAGI LAPORAN DAN GAMBAR-GAMBAR DI MUKA 16].**

“Kita harus membina rantau ini secara terbuka dan bukan mengamalkan dasar diskriminasi terhadap negara-negara lain di dunia,” tambahnya.

Menurut Dr. Mahathir, era Pasifik harus dibentuk berda-

sarkan sistem ekonomi liberal bagi mengurangkan halangan untuk meningkatkan kemasukan barangan dan perkhidmatan dari dunia luar.

Perdana Menteri menjelaskan, semua skim kerjasama serantau yang ada harus mengamalkan dasar keserantauan terbuka.

“Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) dan Kawasan Perdagangan Bebas antara Australia dan New Zealand (ANZCERTA) perlu mengurangkan halangan terhadap ekonomi luar.

“Apa juga skim kerjasama

■ Lihat muka 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Amalkan dasar terbuka

ekonomi Asia Timur termasuk Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang banyak menjadi mangsa salah maklumat harus mengutamakan idea keserantauan terbuka,” katanya.

Dr. Mahathir memberitahu, komuniti Pasifik perlu dibentuk dengan tabah harus mempunyai daya tahan, semangat kesetiakawanan dan saling bersefahaman.

Beliau menegaskan, komuniti tersebut harus bersifat egalitarian, demokrasi dan menguntungkan semua negara Pasifik.

“Komuniti itu perlu bersifat jangka panjang dan bukannya satu persatuan untuk kesesuaian bersama yang wujud hari ini dan lenyap pada hari esok,” kata Perdana Menteri.

Beliau berkata, dunia telah menyaksikan kebangkrapan ekonomi pusat (komunisme dan sosialisme) dan sebaliknya melihat kejayaan ekonomi pasaran terbuka.

“Kita telah melihat kejayaan China dan Vietnam melalui sistem ekonomi pasaran terbuka,” katanya.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri menjelaskan, komuniti Pasifik harus dibentuk berdasarkan pengetahuan, kesamaan, persefahaman, simpati dan saling menghormati antara satu sama lain.

“Kita di rantau ini masih lagi merasa ganjil terhadap satu sama lain dan terdapat ruang dalam soal persefahaman.

“Kita harus mencapai kemakmuran dari Pasifik dan melalui Pasifik di samping membina semangat hormat-menghormati, saling bergantung antara satu sama lain dan mempunyai kecenderungan yang sama bagi menghadapi cabaran masa depan,” kata beliau.

Perdana Menteri yakin ‘Era Pasifik’ boleh tercapai melalui kedinamikan untuk bekerjasama dan mengeksploitasi peluang-peluang yang ada.

Sementara itu, Dr. Mahathir ketika sesi soal jawab pada majlis yang sama, berkata, Malaysia tidak mahu Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) diinstitusikan sebaliknya ingin mengekalkannya sebagai satu forum yang longgar.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, jika negara-negara anggota APEC yang lain ingin menjadikannya sebagai satu institusi formal, Malaysia terpaksa ikut bersama.

Dr. Mahathir juga berkata, mesyuarat mesyuarat APEC tidak harus diinstitusikan.

“Saya berpendapat pada peringkat masa sekarang APEC perlu menjadi sebagai organisasi longgar supaya kita dapat lebih saling mengenali antara satu sama lain, dan malahan jika pemimpin-pemimpin (negara-negara APEC) mahu mengadakan pertemuan sekali sekala, maka saya berpendapat ia okey,” katanya.

“Buat masa ini, para pemimpin itu tidak harus mengadakan pertemuan secara kerap (tetapi sebaliknya perlu) mengemukakan masalah itu kepada birokrat dan menteri-menteri untuk ditangani,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, semasa idea APEC dicadangkan, Malaysia amat bimbang yang negara-negara anggota yang kuat akan mengenakan tekanan terhadap anggota-anggota yang ‘lemah’.

APEC, merupakan perkumpulan serantau yang terbesar di dunia, yang menghubungkan 18 negara Lingkaran Pasifik termasuk Amerika Utara, Australia dan New Zealand.

Dr. Mahathir mengulangi bahawa APEC perlu menumpukan kepada membangunkan strategi-strategi bagi membantu negara-negara kurang membangun mengatasi masalah mereka.